MPF 1353
EKONOMI & PENDIDIKAN

# PENDIDIKAN

# &

# MODAL INSAN

**Siti Hanizan binti Samsuri**
**Anili Fasha binti Mahadi**
**Zainudin bin Hassan**

Free Powerpoint Templates
CC BY NC SA

# Modal Insan

- Individu yang berilmu, berkeyakinan, mempunyai nilai murni, inovatif, berdisiplin, bersemangat patriotik, cekal dan berdaya saing (Buku Rasmi Tahunan Malaysia, 2006)

- Pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki seseorang yang meningkatkan keupayaannya untuk menjalankan aktiviti dengan nilai ekonomi (Sung Jun Jo, 2005)

Free Powerpoint Templates

BY NC SA

# Pendidikan

Satu proses mengajar atau memberi maklumat (Najib, 2003)

" Pendidikan ialah "usaha sistematik yang disengajakan,yang dibuat oleh sesuatu masyarakat untuk menyampaikan pengetahuan, nilai, sikap dan kemahiran kepada ahlinya, usaha memperkembangkan potensi individu dan perubahan yang berlaku dalam diri manusia ".

# Modal Insan : Perspektif Barat

- Modal insan adalah berkaitan dengan ekonomi masyarakat dan negara kerana individu tidak dapat dipisahkan daripada pengetahuan, kemahiran, kesihatan ataupun nilai. Oleh sebab itu, kesejahteraan kehidupan seseorang bergantung kepada pendapatan yang tinggi, kesihatan yang baik serta pembentukan nilai dan tabiat yang baik.

(Gary S. Becker)

# Modal Insan : Perspektif Barat

- Pengetahuan dan kemahiran adalah elemen modal yang terhasil daripada pelaburan yang disengajakan. Negara-negara maju yang melabur dalam pendidikan, kesihatan dan latihan dalam jangka masa panjang akan menguatkan struktur ekonomi dan meningkatkan taraf hidup masyarakat mereka.

(Theodore W. Schultz)

# Modal Insan: Perspektif Islam

- Pembangunan sumber manusia adalah elemen terpenting dalam modal insan kerana sumber yang utama adalah individu.
- Modal insan tidak seharusnya dilihat dari sudut latihan, kemahiran, kepakaran, profesional, kelebihan maklumat dan sebagainya, malah harus mempunyai ciri-ciri pembangunan ke atas insan yang menerapkan sifat-sifat amanah, berakhlak mulia, jujur, progresif, cergas dan bertamadun.

# Pembangunan Modal Insan

Perspektif Barat :

Suatu cara untuk mengenal dan mengkategori kemahiran dan kebolehan seseorang yang digunakan dalam pengambilan pekerja dan dalam hal lain, mereka memberi sumbangan kepada pembangunan negara.

# Pembangunan Modal Insan

Perspektif Islam :

Modal insan dilihat tidak sekadar mementingkan aspek pembangunan intelektual dan emosional bahkan melibatkan pembangunan spiritual

Free Powerpoint Templates

# Rasional Di Sebalik Pelaburan Modal Insan

- Generasi baru berhak mendapat peluang pendidikan sepertimana generasi sebelumnya.
- Generasi baru perlu diajar bagaimana menggunakan pengetahuan sedia ada untuk membangunkan produk, memperkenal proses dan kaedah pembuatan baru serta perkhidmatan sosial.
- Rakyat digalakkan membangunkan idea baru sepenuhnya melalui produk, proses dan kaedah melalui pendekatan kreatif

(Babalola, 2003)

Free Powerpoint Templates

*“ Sumber manusia merupakan asas utama kekayaan negara. Modal dan sumber semulajadi adalah faktor pasif pengeluaran manakala manusia merupakan agen aktif yang mengumpul modal, mengeksploitasi sumber semulajadi, membentuk organisasi sosial, ekonomi dan politik dan membangunkan negara.”*

(Psacharopoulos & Woodhall, 1997)

Free Powerpoint Templates

# Model Teori Modal Insan




(Swanson & Holton III, 2011)




Free Powerpoint Templates


Ekonomi
Pendidikan
Sains, Teknologi & Inovasi
Pembanguna n Modal Insan Malaysia (RMK-9)
Politik
Kerohanian
Perkhidmatan

# Ekonomi

- Wilayah Pembangunan Ekonomi Iskandar (WPI)
- Wilayah Ekonomi Koridor Utara
- Wilayah Ekonomi Koridor Timur
- Program transformasi Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)

Free Powerpoint Templates

# Sains, Teknologi & Inovasi

- Usaha bagi membangunkan Institusi Latihan yang berupaya melahirkan tenaga kerja berpengetahuan- Teknologi Maklumat
- Mewujudkan program yang mampu meningkatkan kemahiran penyelidikan.

# Kerohanian

- Program Islam Hadhari – mengutamakan aspek ketamadunan umat seimbang

Free Powerpoint Templates

# Perkhidmatan

- Perkhidmatan awam kelas pertama – Komitmen Perkhidmatan Awam Malaysia 2008
- Institut Integriti Nasional ~ membanteras rasuah
- Pasukan Petugas Pemudah Cara Kerajaan ~ meningkatkan kecekapan sistem penyampaian oleh jentera kerajaan

Free Powerpoint Templates

# Politik

- Melahirkan pemimpin Melayu yang berketerampilan, dikagumi, dihormati dan dipercayai.

# Pendidikan

- Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010

  ~ Pendidikan holistik, progresif dan bertaraf dunia

- Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara

  ~ Tingkatkan kualiti pelajar, keupayaan pensyarah, infrastruktur dan membina rangkaian dengan institusi ternama dunia.

# Kepentingan Pembangunan Modal Insan

- Menyediakan sumber tenaga yang berkualiti
- Menyediakan masyarakat berdaya saing dalam ekonomi
- Melahirkan masyarakat yang tinggi nilai rohaninya dan berdisiplin.
- Penambahbaikan terhadap sistem pendidikan
- Melahirkan generasi yang mahir menggunakan pengetahuan untuk membangunkan produk, perkhidmatan serta kaedah pembuatan baru.

Free Powerpoint Templates

BY NC SA

# Lapan Teras Dasar Pembangunan Modal Insan

1. Melaksanakan penambahbaikan serta komprehensif terhadap sistem penyampaian pendidikan dan latihan.
2. Merperkasa sekolah kebangsaan untuk menjadi sekolah pilihan utama rakyat Malaysia bagi meningkatkan perpaduan negara.
3. Melaksanakan langkah bagi merapatkan jurang prestasi di antara sekolah luar bandar dan bandar termasuk menggantikan semua sekolah daif bagi menyediakan persekitaran pengajaran dan pembelajaran kondusif serta menempatkan guru berpengalaman di sekolah luar bandar.

Free Powerpoint Templates

4. Mewujudkan universiti bertaraf antarabangsa dan memastikan pendidikan dan latihan di peringkat tertiari memenuhi keperluan majikan.

5. Menyediakan lebih banyak peluang dan akses kepada pendidikan latihan dan pembelajaran sepanjang hayat yang berkualiti di semua peringkat.

6. Membina masyarakat yang inovatif dengan keupayaan sains dan teknologi yang kukuh dan memiliki kemampuan memperoleh dan menggunakan pengetahuan.

Free Powerpoint Templates

7. Memperkukuh perpaduan nasional dan membangunkan masyarakat yang mempunyai perspektif progresif, sistem nilai yang boleh diteladani dan budaya mengutamakan prestasi tinggi serta menghargai tradisi dan warisan.

8. Memperluas dan memperkemas forum perbincangan antara kerajaan, sektor swasta, ibu bapa dan masyarakat dalam pembangunan modan insan.

# RMK-10~ Memupuk, Menarik & Mengekalkan Modal Insan Cemerlang

- Asas utama bagi menjayakan transformasi negara berpendapatan tinggi.
- Dimulakan dengan membangun dan memotivasi kecemerlangan guru.
- Latihan kemahiran bagi keperluan industri & peningkatan produktiviti.
- Pendidikan teknikal & vokasional bagi meningkatkan kualiti berdasarkan kecenderungan dan bakat.

Free Powerpoint Templates

- Program latihan sambil bekerja contohnya
  ~ Sistem Latihan Dual Nasional
  ~ Program latihan Industri

- Pembaharuan pendidikan
  ~ Semua kanak-kanak berhak mendapat peluang mencapai kejayaan
  ~ Sekolah Berprestasi Tinggi
  ~ Biasiswa berprestij kepada pelajar cemerlang

Free Powerpoint Templates

- Tubuh Talent Corporation untuk menarik tenaga pakar yang diperlukan dalam sektor ekonomi negara.
- Kemasukan pekerja asing berpengetahuan
- Mewujudkan bandar selesa didiami
- Membangunkan kluster perindustrian yang khusus
- Menyediakan persekitaran kondusif

Free Powerpoint Templates

# Bajet 2013 - Pendidikan

- RM 1bilion bagi naiktaraf sekolah
- RM 1.2 bilion bagi pendidikan pra-sekolah
- RM 500 juta bagi meningkatkan kemahiran guru dalam BM, BI, SN & Matematik
- RM 380 juta bagi penempatan guru tadika
- RM 3.7 bilion bagi kemahiran teknikal & vokasional pelajar
- RM 2.6 bilion bagi bantuan makanan, buku teks, yuran sekolah pelajar

# Ukuran Globalisasi Negara




A.T. Kearney (ATK) Global Cities Index 2010

Free Powerpoint Templates




A.T. Kearney (ATK) Global Cities Index 2010

Free Powerpoint Templates

# Faktor Pengukur Kualiti Modal Insan

- Saiz Populasi kelahiran warga asing
- Kualiti universiti
- Bilangan sekolah antarabangsa
- Populasi pelajar antarabangsa
- Peratus penduduk yang mempunyai ijazah

| Top 10 Global Cities for Human Capital | | | |
|---|---|---|---|
| *City* | *2010 Rank* | *2008 Rank* | *2010 Score* |
| London | 1 | 2 | 5.6 |
| New York | 2 | 1 | 5.4 |
| Los Angeles | 3 | 4 | 4.6 |
| Chicago | 4 | 3 | 4.6 |
| Hong Kong | 5 | 5 | 4.4 |
| Tokyo | 6 | 6 | 4.1 |
| Sydney | 7 | 8 | 3.7 |
| Boston | 8 | 9 | 3.4 |
| Toronto | 9 | 10 | 3.1 |
| San Francisco | 10 | 12 | 3.1 |
| Global Sherpa 2011; Source Data: A.T. Kearney Global Cities Index 2010. | | | |




Global Innovation Index Country 2010

Free Powerpoint Templates

## Human capital stock, 2001-2010

United Kingdom




Source: Labour Force Survey - Office for National Statistics

# Kesimpulan

- Modal insan dapat dibentuk dengan adanya pendidikan.
- Modal insan yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi akan menjana pendapatan yang lebih tinggi.
- Namun begitu , modal insan boleh dibangunkan melalui pengalaman semasa bekerja.

Free Powerpoint Templates